

06 NOV 1998

MARIMUTHU TOKOH PENGGUNA '97

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Encik N. Marimuthu telah dipilih sebagai Tokoh Pengguna 1997 kerana penglibatannya yang aktif dalam kegiatan kepenggunaan. Beliau menerima pingat dan wang RM2,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu pada majlis perasmian sambutan Hari Pengguna Sedunia '98 di Pusat Islam di sini.

Tokoh Pengguna tahun sebelumnya ialah Prof Madya Dr Halimah Haji Ahmad, dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia.

Sementara itu Persatuan Pengguna Pulau Pinang memenangi trofi dalam kategori majlis hal ehwal pengguna negeri paling aktif 1997 sementara Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Temerloh memenangi bagi kategori daerah.

Sekolah Menengah Ibrahim Fikri, Terengganu dipilih sebagai kelab pengguna sekolah terbaik.

Majlis sambutan dimeriahkan dengan persembahan koir lagu-lagu kesedaran pengguna, "choral speaking" mengenai kempen belilah barangan Malaysia serta pidato oleh murid-murid sekolah.

Sempena dengan sambutan itu juga satu pameran dan gerai jualan barangan buatan Malaysia turut diadakan di ruang legar Dewan Muktamar, Pusat Islam.

-- BERNAMA

HAK NMO